

# **MAKHLUK HALUS MENURUT AL-QURAN DAN AS-SUNNAH**



*oleh:*  
***Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din  
Darussyifa'***

## **MAKHLUK HALUS MENURUT AL-QURAN DAN AS-SUNNAH**

### Isi Kandungan

1.0 PENDAHULUAN .....	3
2.0 QARIN .....	14
3.0 IFRIT.....	21
4.0 IBLIS.....	24
5.0 SYAITAN .....	27

## 1.0 PENDAHULUAN

Yang dimaksudkan dengan makhluk-makhluk halus itu ialah makhluk-makhluk yang dicipta oleh Allah s.w.t. tanpa berjisim yang pada kebiasaannya tidak dapat dilihat oleh mata atau dirasa dengan tangan. Mereka hidup di alamnya atau alam ghaib. Makhluk-makhluk ini ada asal kejadiannya daripada cahaya, iaitu malaikat, yang sentiasa taat kepada perintah Allah, dan ada yang asal kejadiannya daripada api iaitu yang terdiri daripada jin, iblis, syaitan dan sebagainya.

Beriman atau mempercayai tentang adanya makhluk makhluk halus dan hal-hal yang ghaib seperti ini adalah di antara ciri-ciri mukmin yang bertakwa kepada Allah s.w.t. Dalam ***Surah al-Baqarah ayat 2 hingga 4*** tersebut firman Allah s.w.t.:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبٌ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ  
 وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ  
 بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

Al-Quran itu tidak ada keraguan padanya, menjadi petunjuk bagi mereka yang bertakwa, iaitu mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan sembahyang dan menggunakan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka.

Di antara hikmat diciptakan makhluk-makhluk halus ialah:

- i. Untuk memperkuat iman seseorang kepada Allah s.w.t., menyakinkan tentang kebesaran dan keagungan Ilahi. Di samping kejadian manusia yang dapat dilihat dengan mata kasar, Allah s.w.t. berkuasa mencipta makhluk-makhluk halus yang asal kejadiannya serta hakikat hidupnya begitu berbeza dengan manusia. Semua ini merupakan tanda-tanda keagungan Allah s.w.t.
- ii. Agar manusia sentiasa berwaspada terhadap musuh-musuh yang tidak nampak, yang sentiasa berazam dan berusaha untuk menyesatkan manusia.
- iii. Untuk menguji iman manusia, setakat mana manusia dapat menggunakan akal fikiran dan anggota tubuh badan dengan bijaksana dan tidak terpesona dengan tipu helah pujukan syaitan.
- iv. Hanya dengan adanya dugaan, kekuatan iman seseorang itu akan diketahui.
- v. Di samping kewujudan makhluk-makhluk halus yang jahat, seseorang yang beriman akan terus merasa yakin tentang adanya pertolongan Allah. Allah s.w.t. mengadakan para malaikat yang sentiasa meminta rahmat dari Allah s.w.t. untuk manusia.

Masyarakat Melayu umumnya merujuk perkataan makhluk-makhluk halus itu kepada berbagai-bagai jenis syaitan, iblis,. jin dan lain-lain, tanpa merujuk kepada malaikat. Dalam artikel ini, perkataan makhluk halus dirujuk kepada makhluk-makhluk selain malaikat, kecuali pada bahagian-bahagian tertentu dengan penerangan khusus mengenainya.

Dalam Al-Quran dinyatakan dengan jelas tentang adanya musuh manusia yang sentiasa menanti-nanti, menunggu mencari peluang untuk menyesatkan manusia, iaitu iblis, syaitan dan kuncu-kuncunya. Dalam peristiwa kejadian Adam, Allah s.w.t. telah memerintahkan iblis supaya sujud menghormati kejadian Allah s.w.t. iaitu Adam. Namun iblis enggan berbuat demikian kerana kesombongannya, yang merasakan bahawa dirinya lebih mulia daripada Adam (*al-A'raf:11*). Oleh sebab itu Allah s.w.t. telah melaknat iblis dan menghukumkannya kafir. Sujud di sini dinamakan ***Sujud Tahiyat*** bukan sujud kebaktian. Sujud kebaktian hanya kepada Allah s.w.t. tidak kepada yang lain.

Berlatar belakangkan peristiwa tersebut, iblis telah bersumpah di hadapan Allah s.w.t. yang ia akan menghalang manusia daripada beriman dan melakukan perintah-perintah Allah s.w.t. Iblis bersumpah akan menggoda manusia dari setiap penjuru seperti yang termaktub dalam ***Surah al-A'raaf ayat 16 dan 17***:

قالَ فِيمَا آغْوَيْتَنِي لَقْعَدَنَ لَهُمْ صَرَاطَكَ الْمُسْتَقِيمَ  
 ثُمَّ لَا تَبِعُهُمْ مَمْنَانِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ  
 وَعَنْ أَيْمَانِهِمْ وَعَنْ شَمَائِلِهِمْ وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَكِيرِينَ

(Iblis) berkata, kerana Engkau telah menghukum aku sesat, aku benar-benar akan menghalang mereka dari jalanMU yang lurus. Kemudian aku akan datangi mereka dari muka dan dari belakang, dari kanan dan kiri mereka. Dan Engkau tidak akan mendapati kebanyakan daripada mereka bersyukur.

فِيمَا آغْوَيْتَنِي

Dalam perkataan diatas, menurut tatabahasa bahasa Arab, huruf **ba** di sini menunjukkan **Al-ba 'u lil-qasam** (الباء القاسم) iaitu menunjukkan sumpah. Bermaksud bahawa iblis telah bersumpah di hadapan Allah bahawa ia akan menghalang hamba manusia daripada melakukan kebaikan.

Ada pendapat lain yang mengatakan huruf **ba** di sini ialah **lis-sababiyyah** (لِلسَّبَبَيَّةَ), menunjukkan sebab. Maksudnya oleh sebab syaitan itu dilaknat dan dihukumkan kafir oleh Allah s.w.t. berpunca daripada Adam, maka iblis bersumpah akan membala dendam terhadap diri Adam dan keturunannya supaya mereka semua sesat, terlaknat dan terpesong daripada jalan yang diredhai Allah s.w.t. dan neraka bersama iblis.

لَاقْعَدَنَ لَهُمْ صَرَاطَكَ الْمُسْتَقِيمَ

Dalam ayat ini, Iblis bersumpah akan menghalang manusia daripada tiba ke jalan yang diredhai Allah s.w.t. sehingga mereka semua binasa atau sesat seperti dirinya juga. Iblis jarang menyekat perbuatan baik seseorang itu namun apabila ia telah tiba di peringkat akhir atau di penghujung jalan dalam usahanya untuk memperolehi keredhaan Allah s.w.t. Iblis dan kuncu-kuncunya akan sentiasa menyekat saluran-saluran yang membolehkan seseorang itu berusaha menuju ke jalan yang diredhai Allah s.w.t.

Iblis bukan setakat menggoda supaya sembahyang seseorang itu tidak khusyuk apabila seseorang itu bangun untuk mengerjakan sembahyang, tetapi iblis akan sentiasa menghalang supaya seseorang itu tidak bangun untuk bersembahyang. Jika seseorang itu sedang tidur iblis akan menguliti manusia supaya terus tidur dan merasakan bahawa tidur itu lebih baik baginya. Apabila langkah tersebut tidak berjaya iblis dan kuncu-kuncunya akan menggoda manusia ketika ia mengambil wuduk. Apabila ia juga tidak berjaya dan manusia terus bangun bersembahyang, maka iblis dan kuncu-kuncunya akan mengganggu manusia ketika ia bersembahyang. Dengan hal yang demikian mungkin menyebabkan seseorang itu tidak khusyuk semasa bersembahyang. Akibatnya sembahyang yang dilakukannya itu tidak dapat membentuk peribadi yang baik dan tidak berupaya menghindarkan dirinya apabila melakukan perbuatan jahat dan mungkar.

Ayat seterusnya pula memperlihatkan setakat mana jalan-jalan itu disekat oleh iblis.

ثُمَّ لَا تَيْنَهُ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ  
 وَعَنْ أَيْمَانِهِمْ وَعَنْ شَمَائِلِهِمْ

Ayat di atas bermaksud bahawa iblis menyekat manusia daripada melakukan perkara-perkara yang diredhai Allah s.w.t. dari empat sudut iaitu dari depan, belakang, kanan dan kiri, tanpa menyebut atas dan bawah. Iblis tidak menyebut yang ia akan menyekat bahagian atas kerana ia tidak berupaya berbuat demikian. Bahagian ini adalah tempat di antara seorang hamba dan rahmat Allah s.w.t. seperti yang disebut oleh Ibn Abbas. Bahagian bawah tidak disebut kerana sifat takabur iblis yang tidak mahu tunduk menyekat dari bahagian bawah. Tindakan iblis dan kuncu-kuncunya lebih berkesan dari bahagian depan dan belakang dan kurang berkesan dari bahagian kanan dan kiri kerana bahagian-bahagian ini dipelihara oleh malaikat.

Tegasnya peranan syaitan ialah menyesatkan manusia sejauh yang boleh (**An-Nisa':60**). Oleh sebab itu, manusia perlu sentiasa berwaspada dan memahami bahawa makhluk-makhluk ini adalah musuh utama manusia, yang telah bersumpah di hadapan Allah s.w.t. untuk membawa mereka semua ke neraka bersama-sama, seperti yang tersebut dalam **Surah al-Baqarah ayat 168 dan 169**:

يَتَأْيِهَا النَّاسُ كُلُّوْمِمَا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَبَعُوا خُطُوبَ  
الشَّيْطَنِ إِنَّهُ وَلَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦﴾ إِنَّمَا يَأْمُرُكُم بِالسُّوْءِ وَالْفُحْشَاءِ  
وَأَن تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿١١٤﴾

Dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu. Sesungguhnya syaitan itu hanya menyuruh kamu berbuat jahat dan keji dan mengatakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui.

Syaitan itu adalah sebahagian daripada makhluk-makhluk halus. Ia merupakan salah satu daripada kumpulan jin yang ingkarkan perintah Allah s.w.t. Syaitan adalah daripada keturunan jin yang dijadikan daripada api. Adam pula dijadikan daripada tanah. Allah s.w.t. menjadikan jin dan manusia supaya taat kepada perintah Allah s.w.t. Mereka dikenakan taklif. Kebaikan dan kejahatan mereka dihisab dan diberi balasan. Jin terbahagi kepada dua bahagian iaitu jin Islam dan jin kafir. Termasuk dalam golongan jin kafir ialah iblis syaitan dan sebagainya.

Dalam al-Quran disebutkan bahawa makhluk-makhluk halus itu mempunyai sifat dan tabiat yang bermacam-macam. Ada yang cerdik, ada yang bodoh, ada yang lalai dan ada yang lemah fikiran. Ada yang kafir yang berkelakuan sempurna dan sangat baik pendiriannya. Ini disebutkan dalam ***Surah al-Jinn ayat 11***:

وَأَنَّا مِنَ الصَّالِحُونَ وَمِنَ دُونَ ذَلِكَ كُنَّا طَرَآئِقَ قِدَّمًا ﴿١١﴾

Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang salih dan di antara kami ada pula yang tidak demikian. Adalah kami menempuh jalan yang berbeza.

Tersebut juga dalam al-Quran tentang adanya makhluk-makhluk jin yang beriman kepada Allah s.w.t. sesudah kebangkitan nabi Muhammad seperti yang tersebut dalam ***Surah al-Jinn ayat 13***:

وَأَنَّا لَمَّا سَمِعْنَا الْهُدَىٰ عَامَنَا بِهِ فَمَن يُؤْمِن بِرَبِّهِ فَلَا  
يَخَافُ بَخْسًا وَلَا رَهْقًا ﴿١٣﴾

Dan sesungguhnya kami ketika mendengar pertunjuk (al-Quran), kami beriman kepadanya. Maka barang siapa beriman kepada Tuhan mereka maka ia tidak takut pengurangan pahala dan tidak takut akan penambahan azab.

Pada satu, ketika ada satu golongan jin yang mendengar Rasulullah s.a.w. membaca al-Quran, padahal baginda sendiri tidak mengetahui kehadiran mereka. Peristiwa ini termaktub dalam al-Quran, ***Surah al-Ahqaf ayat 29***:

وَإِذْ صَرَفْنَا إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ الْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ الْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوا  
 أَنْصِتُوْا فَلَمَّا قُضِيَ وَلَوْا إِلَى قَوْمِهِمْ مُّنْذِرِينَ ۱۷۹

*Dan ingatlah ketika Kami hadapkan serombongan jin kepadamu yang mendengarkan al-Quran, maka tatkala mereka hadir, mereka berkata diamlah kamu. Maka tatakala selesai, mereka pun kembali kepada kaum mereka untuk memberi peringatan.*

Ayat ini bermaksud bahawa Allah s.w.t. telah mendatangkan sekumpulan jin kepada Rasulullah s.a.w. untuk mendengar al-Quran. Ketika mereka mendengar, sebahagian daripada mereka memperingatkan teman-teman yang lain supaya diam dan mendengar al-Quran tadi. Setelah itu mereka pun balik menemui kaum mereka yang belum beriman supaya beriman kepada Allah s.w.t.

Jelasnya bahawa manusia dan jin itu dicipta oleh Allah s.w.t. untuk menyembahnya. Mereka diberi akal fikiran dan ikhtiar. Perbuatan baik dan jahat mereka dihisab seperti yang dijelaskan dalam **Surah al-A'raf ayat 179**:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسَانَ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَعْقِلُونَ بِهَا  
 وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبَصِّرُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ  
 كَالْأَنْعَمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ۱۷۹

*Dan sesungguhnya Kami telah sediakan bagi jahanam itu beberapa banyak daripada golongan jin dan manusia. Mereka ada hati tetapi mereka tidak mahu berfikir dengannya. Mereka mempunyai mata tetapi mereka tidak mahu memerhatikan dengannya. Mereka mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar dengannya. Mereka semua seperti binatang-binatang ternakan bahkan mereka itu lebih sesat, mereka itulah orang yang lalai.*

Ayat ini menyatakan bahawa manusia dan jin itu diberi hati (fikiran), mata dan telinga oleh Allah s.w.t. menurut naluri asal kejadian masing-masing. Walaupun demikian banyak di antara mereka yang tidak menggunakan pemberian Allah s.w.t. itu sebagaimana seharusnya. Mereka tidak menggunakan pemberian Allah s.w.t. untuk jalan yang benar demi untuk pengabadian diri kepada Allah s.w.t. Sikap demikian itu menyebabkan mereka seperti binatang yang tidak dapat membezakan antara yang baik dan buruk. Ditinjau dari sudut lain, mereka sebenarnya sesat begitu jauh, lebih teruk daripada binatang kerana binatang tidak mempunyai akal dan ikhtiar.

Allah s.w.t. menjadikan manusia dan jin untuk menyembahnya demi kebaikan manusia dan jin di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t. amat kaya dan tidak mengambil manfaat daripada sifat *taabbudi* seseorang hambanya seperti yang tersebut dalam **Surah adz-Dzaariyyat ayat 56 dan 57**:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ﴿٥١﴾  
 مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا  
 أُرِيدُ أَنْ يُطْعِمُونَ ﴿٥٢﴾

*Tidak Aku ciptakan jin dan manusia kecuali untuk menyembahku. Aku tidak mahu daripada mereka sedikit rezeki dan Aku tidak perlukan mereka memberi makan.*

Semua makhluk halus pada dasarnya tidak dapat dilihat oleh manusia disebabkan unsur asal kejadiannya berlainan daripada unsur kejadian manusia. Ini merupakan salah satu rahmat Allah s.w.t. kepada manusia. Andainya Allah s.w.t. memperlihatkan jasad jin dan syaitan, umumnya kekuatan manusia akan lemah melihatkan Makhluk halus yang dengan rupa bentuk makhluk yang terlalu berbeza dengan jasad manusia.

Seperti yang dijelaskan bahawa iblis telah bersumpah di hadapan Allah s.w.t. untuk menyesatkan manusia. Dalam keadaan demikian, kita seharusnya memahami bahawa manusia adalah pihak yang sentiasa bersifat defensif (bertahan), manakala makhluk-makhluk halus itu adalah merupakan pihak yang sentiasa bersifat ofensif (menyerang) yang ingin membinasakan manusia. Tidak ada pakatan yang dilakukan oleh manusia secara teratur dan terancang, sama ada bersendirian atau berkelompok yang bertujuan untuk membinasakan sebarang makhluk halus kecuali dalam keadaan tertentu, setelah manusia digangu oleh makhluk-makhluk halus tadi. Tindakan manusia seperti ini sebenarnya bukan bersifat ofensif. Mereka berbuat demikian semata-mata kerana mengharapkan kesembuhan akibat kejahanan makhluk-makhluk halus tadi. Dari sinilah kita akan dapat melihat kedudukan manusia yang sebenarnya, sering terdedah kepada godaan musuh-musuh Allah s.w.t.

Iblis telah mengakui dan menyedari bahawa ia tidak berupaya hendak membinasakan orang yang ikhlas. Namun demikian, sifat ikhlas itu tidak boleh diperoleh oleh semua orang dengan begitu mudah. Sifat ikhlas merupakan satu natijah daripada gagasan rangkaian iman yang wujud pada diri seseorang. Oleh sebab itu, tidak pelik jika iblis itu tidak dapat menggoda orang yang ikhlas. Bagi mereka yang tidak beriman, iblis dan syaitan adalah pemimpin mereka, tidak kira sama ada iblis dan syaitan itu bersifat manusia ataupun daripada kalangan makhluk-makhluk halus.

Dalam **Surah al-A'raaf ayat 27** Allah berfirman:

يَدْبِرُّ إِنَّمَا لَا يَفْتَنُكُمُ الشَّيْطَانُ كَمَا أَخْرَجَ أَبْوَيْكُمْ  
 مِّنَ الْجَنَّةِ يَنْزِعُ عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيهِمَا سَوْءَاتِهِمَا  
 إِنَّهُ وَيَرْكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ وَمِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ إِنَّا جَعَلْنَا  
 الشَّيْطَانَ أُولَئِكَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

۲۷

*Hai anak Adam, janganlah sekali-kali kamu dapat ditipu oleh syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari syurga. Ia menanggalkan dari mereka berdua pakaian untuk memperlihatkan kepada keduanya auratnya. Sesungguhnya ia dan pengikut-pengikutnya melihat kamu dari satu tempat yang kamu tidak boleh lihat mereka. Sesungguhnya kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu pemimpin-pemimpin bagi mereka yang tidak beriman.*

Jelasnya bahawa makhluk-makhluk ini terbentuk daripada zat halus (**athir**) yang tidak ada halangan bagi zat itu untuk menyerupai sesuatu yang dikehendaki. Ia juga boleh menembusi sesuatu, yang tidak disekat atau dihalangi oleh bahan-bahan udara, air dan sebagainya.

Makhluk-makhluk halus boleh berupa kepada bentuk yang mereka ingini dengan izin Allah juga, dan boleh masuk atau keluar dari mana-mana bahagian tanpa sekatan. Pada satu ketika isteri Rasulullah s.a.w. yang bernama Safiyyah menziarahi baginda yang sedang beriktitaf di masjid. Ketika Safiyyah hendak meninggalkan masjid baginda telah mengiringinya sampai ke pintu masjid. Pada waktu yang sama datang dua orang lelaki daripada golongan Ansar lalu memberi salam. Rasulullah menjawab salam tadi dan berkata: "Sila kamu berdua masuk. Dia ini ialah Safiyyah bin Hay". Mendengar kata Rasulullah, mereka berdua pun mengucap "**Subhanallah**". Kemudian Rasulullah bersabda:

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَبْلُغُ مِنَ الْإِنْسَانِ مِثْلَهُ الدَّمْ وَإِنَّى خَشِيتُ أَنْ  
 يَقْدِفَ فِي قُلُوبِكُمْ شَيْئًا

*Sesungguhnya syaitan itu memasuki tubuh manusia menurut aliran darah. Dan sesungguhnya aku takut syaitan itu akan mencampakkan sesuatu dalam hati kamu berdua.*

Peristiwa di atas terjadi pada bulan Ramadan. Mengikut kebiasaan Rasulullah s.a.w. sejak 21 hingga akhir bulan Ramadan akan berada di masjid siang dan malam untuk beriktitaf. Pada satu malam Safiyyah berkunjung ke masjid kerana sesuatu keperluan. Ketika pulang baginda menghantarnya hingga ke pintu masjid. Dua orang Sahabat yang datang itu berlalu dengan cepat menyingkir diri setelah melihat Rasulullah s.a.w. bersama seorang wanita, yang dirasakan mungkin bukan mahramnya. Pada fikiran Sahabat tadi, dengan berbuat demikian, Rasulullah s.a.w. tidak akan merasa malu bila berjumpa dengan mereka. Oleh sebab itu Rasulullah s.a.w. menerangkan keadaan yang sebenar, menyatakan perempuan

yang bersamanya itu ialah isterinya. Baginda khuatir kalau silap faham atau rasa curiga itu akan menimbulkan fitnah besar, lebih-lebih lagi sekiranya hal ini terdengar oleh orang-orang munafik, seperti peristiwa yang telah menimpa Aishah, pada peristiwa **Hadithul-ifq**.

Walaupun demikian segala jenis makhluk halus tidak boleh menjelma menyerupai Rasulullah s.a.w. Sebuah hadith riwayat Abu Hurairah menyebut bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ رَأَنِي فِي الْمَنَامِ فَقَدْ رَأَنِي حَقًّا فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يُتَمَثَّلُ بِيْ

*Barangsiapa melihat aku dalam tidur, maka sesungguhnya ia betul telah melihat akan daku kerana syaitan itu tidak akan menjelma menyerupai akan daku.*

Sebuah hadis lain riwayat daripada Jabir r.a. telah berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

مَنْ رَأَنِي فِي الْمَنَامِ فَقَدْ رَأَنِي فَإِنَّهُ لَا يَنْبَغِي لِلشَّيْطَانِ  
أَنْ يَتَشَبَّهَ بِيْ

*Barangsiapa melihat akan daku dalam tidur, maka sesungguhnya ia telah melihat akan daku. Maka sesungguhnya syaitan tidak berupaya menjelma menyerupaiku.*

Tentang jenis-jenis makhluk halus ini, Imam At-Tabrani telah meriwayatkan sebuah hadis dengan katanya bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

الْجِنُّ عَلَى ثَلَاثَةِ أَصْنَافٍ: صِنْفٌ لَهُمْ أَجْنِحَةٌ يَطِيرُونَ فِي  
الْهَوَاءِ، وَصِنْفٌ حَيَّاتٍ وَصِنْفٌ يَخْلُونَ وَيَنْظَعُونَ.

*Jin itu ada 3 golongan. Satu golongan mempunyai sayap yang boleh terbang di angkasa, satu golongan berupa ular dan satu golongan lagi berpindah dan bertempat.*

Abu Darda' telah meriwayatkan secara marfu' hadis yang berbunyi:

خَلَقَ اللَّهُ تَعَالَى الْجِنَّ ثَلَاثَةَ أَصْنَافٍ صِنْفٌ حَيَاٌتٍ وَعَقَارِبٍ  
 وَخَشَّاشٍ الْأَرْضِ وَصِنْفٌ كَالرِّيحِ فِي الْهَوَاءِ وَصِنْفٌ عَلَيْهِمُ  
 الْحِسَابُ وَالْعِقَابُ وَخَلَقَ اللَّهُ تَعَالَى الْإِنْسَانَ ثَلَاثَةَ أَصْنَافٍ  
 صِنْفٌ كَالْبَهَائِمِ .

Allah menjadikan jin itu 3 golongan. Golongan ular, kala jeengking dan binatang tanah, golongan semacam angin di udara dan satu golongan di atas mereka hisab dan balasan. Dan Allah menciptakan manusia 3 jenis, satu jenis seperti binatang.

Dalam kitab **Gharaibu wa 'Ajaibiil-Jinn** karangan Al-Qadi Baharuddin menyebutkan tentang adanya sejenis jin yang separuh rupanya seperti manusia, namanya Shaqq, kerjanya menghalangi orang yang musafir bersendirian dan adakalanya membinasakan dia.

Sebuah Hadis riwayat daripada Muaz bin Jabal menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah memberikan tamar sedekah kepadanya untuk dijaga. Tamar yang diletakkan dalam sebuah bilik itu didapati semakin berkurangan setiap hari. Lalu ia mengadu kepada baginda. Rasulullah s.a.w. memberitahu bahawa itu adalah perbuatan syaitan lalu menyuruhnya menunggu. Pada waktu malam datanglah satu lembaga menyerupai gajah. Apabila tiba ke pintu, lembaga itu masuk melalui celah-celah pintu setelah bertukar daripada rupa asalnya. Apabila ditangkap dan diberi amaran untuk dibawa ke hadapan Rasulullah s.a.w., lembaga itu berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya lagi. Pada kesokan harinya apabila ditanya oleh Rasulullah s.a.w. apakah yang telah dilakukan olehnya terhadap orang tawanannya itu, Muaz berkata bahawa lembaga itu telah dilepaskan setelah ia berjanji tidak akan datang lagi. Rasulullah s.a.w. menjawab bahawa lembaga itu akan datang lagi dan menyuruh Muaz menunggu.

Pada malam yang kedua Muaz telah menunggunya dan menangkap lembaga tadi tetapi melepaskannya apabila in merayu dan berjanji tidak akan datang lagi.

Pada malam ketiga lembaga tadi datang lagi lalu ditangkap. Akhirnya ia dilepaskan oleh Muaz setelah memberitahu kegunaan dua ayat Al-Quran, iaitu ayat al-Kursi dan ayat di akhir surah al-Baqarah (Aamanarrasul). Jika ayat-ayat ini dibaca dalam sebuah rumah, syaitan tidak akan datang ke rumah tersebut. Ayat kedua yang dimaksudkan ialah **Surah al-Baqarah ayat 285**:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ ءَامَنُوا بِاللَّهِ  
 وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا  
 سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا عَفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

٢٨٥

Sebuah hadis lain yang diriwayatkan dari Ubai bin Kaab, menyatakan bahwasanya ia mempunyai satu bekas berisi tamar dipertaruhkan kepadanya. Tiba-tiba didapati isinya telah susut. Pada satu malam ia telah terjaga, tiba-tiba terlihat bayangan seorang budak. Lalu ia memberi salam kepada budak tadi dan dijawab salamnya. Apabila ditanya siapa dia yang sebenarnya, adakah jin atau manusia. Lembaga itu menjawab mengatakan bahawa ia adalah jin. Ubai bin Kaab meminta supaya lembaga itu menghulurkan tangannya. Apabila dihulurkan, didapati tangan itu seperti tangan anjing begitu juga rambutnya. Bila ditanya adakah jin dijadikan sedemikian rupa. Dijawab, bahawa bentuk jin adalah lebih dahsyat daripada dirinya.

Berdasarkan ringkasan maksud hadis-hadis di atas, menunjukkan bahawa makhluk-makhluk halus berupaya menjelaskan dirinya dalam berbagai-bagai bentuk kecuali rupa Rasulullah s.a.w.

Imam Muslim meriwayatkan bahawa seorang pemuda kaum Ansar telah membunuh ular dalam rumahnya lalu ular itu mati. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ بِالْمَدِينَةِ جِنًا قَدْ أَسْلَمُوا فَإِذَا رَأَيْتُمْ مِنْهُمْ شَيْئًا فَادْعُوهُ ثَلَاثَةَ  
 أَيَّامٍ فَإِنْ بَدَأْ لَكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ فَاقْتُلُوهُ إِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ.

Sesungguhnya di Madinah ini terdapat golongan jin yang telah Islam. Maka apabila kamu lihat sesuatu tanda pada mereka, maka berilah amaran tiga hari. Jika ternyata kepada kamu sesudah itu, maka bunuhlah ia kerana sesungguhnya dia itu syaitan.

Sebuah hadis lain yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abi Said al-Khudri yang telah menceritakan bahawa pada satu hari ia mempunyai seorang tamu. Tiba-tiba tamu itu melihat ular dan hendak membanuhnya. Abu Said telah melarangnya membunuh ular tadi dan menceritakan suatu cerita yang pernah berlaku di rumahnya.

Di rumah itu ada seorang pemuda yang baru berkahwin. Kami, iaitu golongan daripada Sabahat telah keluar kerana menggali parit (khandak). Pemuda itu menyatakan keuzurannya kepada Rasulullah s.a.w. dan meminta diri untuk pulang. Rasulullah s.a.w. telah membenarkannya untuk pergi selama sehari sahaja. Baginda menyuruhnya membawa senjata kerana takut kalau pemuda itu diganggu oleh Bani Quraizah. Pemuda itu pun mengambil senjatanya lalu beredar pulang.

Setibanya di rumah, tiba-tiba didapati isterinya sedang berdiri di antara pagar pintu rumahnya dengan pintu besar. Pemuda itu merasa cemburu dan mengacukan lembing hendak menikam isterinya. Isterinya tampil ke pintu, menyuruhnya masuk ke rumah untuk melihat apakah yang sebenarnya terjadi. Pemuda itu terus masuk ke dalam. Didapati ada seekor ular besar berlebaran di dalam hamparan, lalu ular tersebut dibunuhnya dengan lembing tadi. Kemudian ia pun membawa ular itu keluar dan memacakkan ke tanah. Ketika nyawa ular itu hampir hilang, pokok di hadapan rumahnya bergerak bergoyang-goyang. Pemuda itu meninggal dunia tidak lama selepas ular itu mati.

Kami telah menemui Rasulullah s.a.w. dan menceritakan peristiwa yang berlaku. Kami meminta kepada Rasulullah s.a.w. agar, Allah menghidupkan ular (jin) itu. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إِنَّ بِالْمَدِينَةِ جِنًا قَدْ أَسْلَمُوا فَإِذَا رَأَيْتُمْ مِنْهُمْ شَيْئًا فَأَذْنُوهُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ فَإِنْ بَدَأْ لَكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ فَاقْتُلُوهُ إِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ.

Sesungguhnya di Madinah ini terdapat golongan jin yang telah Islam. Maka apabila kamu melihat sesuatu tanda pada mereka, maka berilah amaran tiga hari. Jika ternyata kepada kamu sesudah itu, maka bunuhlah ia kerana sesungguhnya dia itu syaitan.

Seperti yang dijelaskan bahawa makhluk-makhluk halus itu ada 3 jenis, iaitu jin, syaitan dan iblis. Di antara jin-jin tersebut, ada yang beragama Islam, Yahudi, Kristian, Majusi dan ada yang menganut bermacam-macam penyembahan dan kepercayaan seperti manusia juga.

Syaitan lebih rendah martabatnya dariada jin dan ifrit kerana hidup mereka semata-mata untuk menganggu dan membinasakan makhluk-makhluk Allah. Makhluk-makhluk halus merupakan makhluk-makhluk yang hidup mempunyai roh yang membolehkan mereka hidup berketurunan. Mereka mempunyai batasan umur yang telah ditetapkan oleh Allah seperti manusia juga. Jin akan mati apabila tiba ajalnya, tetapi umur syaitan (keturunan iblis) adalah panjang yang hanya akan berakhir dengan tiupan sangakala pertama.

Dalam peristiwa yang menyebabkan iblis dilaknat dan dihukumkan kafir oleh Allah, iblis telah memohon kepada Allah agar umurnya juga keturunannya dipanjangkan seperti yang termaktub dalam ***Surah al-Hijr ayat 36***.

قالَ رَبِّ فَأَنْظِرْنِي إِلَى يَوْمٍ يُبَعَّثُونَ

*Wahai Tuhanmu, (kalau demikian) berilah aku tangguh sampai hari mereka akan dibangkitkan.*

Allah telah memperkenankan permohonannya dengan firmannya seperti yang termaktub dalam ***Surah al-Hijr ayat 37 & 38***:



فَالْفَاثِكَ مِنَ الْمُنْظَرِينَ ۝ إِلَى يَوْمِ الْوَقْتِ الْمَعْلُومِ ۝

٣٨

*Dia (Allah) berfirman: Maka sesungguhnya engkau adalah dari mereka yang diberi tangguh, sampai hari waktu yang ditentukan.*

Jelasnya iblis dan keturunannya, iaitu syaitan tidak akan mati hingga hari kiamat. Ini berbeza dengan had umur jin yang akan mati apabila tiba masanya seperti yang telah ditetapkan oleh Allah.

## 2.0 QARIN

Qarin ialah perkataan Arab yang bermakna teman atau rakan. Istilah qarin di sini bermaksud roh-roh jahat dari kalangan makhluk-makhluk halus yang mengiringi kelahiran seseorang bayi. Kewujudan qarin ini ialah untuk menggoda manusia, menampakkan hal-hal yang buruk, dan yang jahat-jahat seolah-olah baik pada pandangan mata manusia. Qarin sentiasa berusaha lintuk menjerumuskan manusia dengan mengajak mereka melakukan kemungkaran dengan cara menggoda, merayu, memujuk dan menipu. Semua manusia mempunyal qarin sama ada ia nabi atau orang yang alim.

Dalam surah al-An'am ayat 112 Allah s.w.t. berfirman:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُواً شَيْطَنَنَّ الْإِنْسَانَ وَالْجِنَّ يُوْحِي بَعْضُهُمْ  
إِلَى بَعْضٍ زُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا وَلُوْشَاءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ فَذَرُهُمْ وَمَا  
يَفْتَرُونَ ۝



*Dan demikianlah kami jadikan bagi setiap nabi itu musuh dari jenis manusia dan jin, sebahagian daripada mereka membisikkan kepada yang lain perkataan yang indah-indah untuk menipu.*

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang berbunyi:

مَا مِنْكُمْ إِلَّا وَقَدْ وُكِّلَ بِهِ قَرِينُهُ مِنَ الْجِنِّ وَقَرِينُهُ مِنَ الْمَلَائِكَةِ.  
قَالُوا: وَإِيَّاكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَإِيَّاهُ.  
وَلِكِنَّ اللَّهَ أَعَانَنِي عَلَيْهِ فَلَا يَأْمُرُنِي إِلَّا بِخَيْرٍ.

*Tidaklah salah seorang daripada kamu (yang lahir ke dunia) melainkan dia telah dipertemukan dengan scorang kawannya daripada jin dan seorang kawannya daripada kalangan malaikat. Sahabat bertanya: Adakah engkau*

*juga wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Dan saya pun. Akan tetapi Allah menolong saya daripada gangguannya, maka tidaklah ia mendorong saya, kecuali kepada kebaikan.*

Tersebut dalam al-Quran tentang tugas-tugas malaikat. Di antara mereka ada yang tugasnya mencatat amalan makhluk setiap hari, mencatat segala ucapan, dan ada yang membawa wahyu kepada rasul-rasul dan nabi-nabi. Ada pula yang menjadi duta-duta. Ada pula yang bertugas memelihara al-Quran, ada yang menjaga syurga dan ada yang menjaga neraka. Di antara mereka juga ada yang sentiasa berdoa siang dan malam, memuji-muji Allah dan bersujud. Ada pula yang sentiasa berdoa agar makhluk yang taat kepada Allah diberi keampunan. Tersebut juga dalam al-Quran tentang adanya malaikat yang datang membawakan ilham kepada Maryam bahawa dia akan diberi putera, atau yang kelihatan oleh Rasulullah s.a.w. ketika beliau mula-mula menerima wahyu. Disebut juga tentang malaikat yang bersayap, satu-satu, dua-dua, tiga-tiga dan empat-empat.

Tersebut juga dalam Al-Qu'r'an bahawa malaikat yang datang membawa wahyu kepada rasul-rasul itu namanya Jibril, yang juga disebut **Ruhul-Amin** dan **Ruhul-Quds**. Manusia yang sentiasa beriman dan istiqamah (tetap hati) akan didatangi oleh malaikat-malaikat untuk menghilangkan rasa takut dan dukacita mereka. Dalam peperangan Badar malaikat telah datang menolong orang-orang Islam, sampai 3,000 malaikat jumlahnya.

Dijelaskan juga dalam hadis-hadis bahawa malaikat-malaikat itu memberi ilham yang baik kepada manusia, yang melahirkan keteguhan semangat dan iman. Ketika manusia diberi ilham yang baik oleh malaikat atau was-was yang buruk oleh syaitan, maka yang menerima ilham atau was-was itu bukanlah badan kasar, melainkan roh manusia juga. Tidak ada seorang pun yang dapat melihat dengan matanya sama ada malaikat atau syaitan yang datang memberi ilham atau was-was, melainkan pengaruh mereka itu masuk ke dalam jiwa atau perasaan orang yang berkenaan. Kenyataan ini dikuatkan oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Termizi, an-Nasa'i, demikian bunyinya;

إِنَّ لِلشَّيْطَانِ لَمَّا يَأْتِنَّ أَدَمَ، وَلِلْمَلَكِ لَمَّا فَأَمَّا لَمَّا الشَّيْطَانِ  
 فَإِيَّاعًا بِالشَّرِّ وَنُكْدِينُ بِالْحَقِّ. وَأَمَّا لَمَّا الْمَلَكِ فَإِيَّاعًا بِالْخَيْرِ  
 وَتَضْدِيقُ بِالْحَقِّ. فَمَنْ وَجَدَ ذَلِكَ فَلَيَعْلَمْ أَنَّهُ مِنَ اللَّهِ فَلَيَحْمَدِ اللَّهَ  
 عَلَى ذَلِكَ. وَمَنْ وَجَدَ الْأُخْرَى فَلَيَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ  
 الرَّجِيمِ. ثُمَّ قَرَأَ: الشَّيْطَانُ يَعْدُكُمُ الْفَقْرَ وَتَأْمُرُكُمْ بِالْفَحْشَاءِ.

Sesungguhnya dari syaitan ada semacam gangguan kepada anak Adam, dan dari malaikat pun ada pula. Adapun gangguan syaitan ialah menjanjikan kejahatan dan mendustakan kebenaran, dan sentuhan malaikat ialah menjanjikan kebaikan dan menerima kebenaran. Maka barang siapa merasai yang demikian, dia hendaklah mengetahui bahawa perkara itu dari

Allah, dan terima kasihlah ia kepadanya. Tetapi kalau didapatinya yang lain, maka dia hendaklah berlindung kepada Allah dari syaitan yang direjam. Kemudian ia membaca: Syaitan menyuruh menjanjikan kamu kefakiran dan menyuruh kamu melakukan kekejian.

Di bawah ini diperturunkan lagi dua buah hadis untuk menguatkan keterangan tentang ada qarin yang menemani setiap manusia.

وَقَدْ قَالَتْ أُمُّ الْمُؤْمِنِينَ السَّيِّدَةُ عَائِشَةُ بُنْتُ الصَّدِيقِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ مِنْ عِنْدِنِي لَيَلَّا فِيْرَتُ عَلَيْهِ، فَجَاءَ فَرَأَى مَا أَضْبَعَ. فَقَالَ: مَا لَكِ يَا عَائِشَةَ؟ أَغِرْتِ؟ فَقُلْتُ لَهُ: وَمَا لِيْ لَا يَغْأِرُ مِثْلِي عَلَى مِثْلِكَ؟ قَالَ: رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَقْدَ جَاءَ شَيْطَانُكَ؟ فَقُلْتُ لَهُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ... أَوْ مَعَنِي شَيْطَانٌ؟ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: نَعَمْ. فَسَأَلْتُهُ: وَمَعَ كُلِّ إِنْسَانٍ؟ قَالَ صَلَوَاتُ اللَّهِ وَسَلَامُهُ عَلَيْهِ: نَعَمْ. فَقُلْتُ لَهُ: وَمَعَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ: نَعَمْ. وَلَكِنَّ رَبِّيْ أَعَانَنِي عَلَيْهِ حَتَّى أَسْلَمَ.

Telah berkata Ummul Mukminin As-Sayyidah Aishah binti As-Siddiq: Bahwasanya Rasulullah s. a. w telah keluar dari sisinya pada satu malam, tiba-tiba berlakulah satu tiupan (syaitan) terhadapnya. Maka Rasulullah pun datang melihat perkara yang sedang saya lakukan. Baginda bertanya: Apakah ang terjadi Aishah? Maka saya menjawab: Apa halnya saya, tidak diberi daya sebagaimana yang dikurniakan kepada engkau? Jawab Rasulullah s.a. w.: Adakah syaitanmu telah datang. Maka saya menjawab: Wahai Rasulullah. Adakah syaitan bersamaku? Jawab baginda: Ya. Saya bertanya lagi: Adakah terjadi pada tiap manusia. Jawab baginda: Ya. Maka saya pun bertanya: Adakah juga berlaku atasmu wahai Rasulullah. Jawab Rasulullah: Ya tetapi Tuhanmu memelihara akan daku hingga aku selamat daripda tipu dayanya.

إِنَّهُ مَا مِنْ إِنْسَانٍ إِلَّا وَقَدْ وُكِّلَ بِهِ قَرِينٌ مِنَ الْجِنِّ.

*Sesungguhnya tidak ada seorang daripada manusia (yang dilahirkan) melainkan dikembari Allah seorang jin sebagai kawan.*

Jelasnya bahawa setiap orang itu mempunyai qarin. Maksud qarin di sini ialah syaitan yang sentiasa berusaha untuk menyesatkan manusia. Di antara qarin dan manusia, perbezaannya ialah manusia adalah seumpama bahan tunggangan, manakala qarin (iblis dan syaitan) tadi adalah penunggangnya. Demikianlah, perbandingan yang diberi oleh Rasulullah s.a.w.

Maksud menunggang atau memperkosa di sini bukanlah seumpama manusia itu menunggang kuda, menjadikan syaitan itu seumpama seorang penunggang yang sentiasa berada di atas jasad manusia dalam keadaan yang tidak dapat dilihat. Maksud sebenar hadis ini ialah iblis dan syaitan itu sentiasa berazam dan berusaha supaya manusia menurut kehendaknya. Banyak diantara mereka yang terpedaya dengannya sehingga menjadikan manusia itu memandang benda-benda yang baik itu buruk dan yang buruk itu baik serta menarik, cantik serta menghairahkan, lantas mereka menentang perintah Allah s.w.t. Mereka inilah golongan yang menjadi bahan tunggangan qarin tadi.

Gambaran godaan iblis dan syaitan terhadap manusia dijelaskan oleh Rasulullah dalam sebuah hadis yang bermaksud bahawa seseorang itu apabila hendak menganut agama Islam, iblis akan menggoda dan menipu manusia. Syaitan akan bertanya adakah mereka hendak meninggalkan agama asal mereka, iaitu agama yang telah dianuti oleh bapa-bapa dan keturunan mereka sejak dahulu kala lagi. Ketika manusia hendak berhijrah, iblis dan syaitan bertanya, adakah mereka sanggup meninggalkan tanahair yang telah mereka diamti sejak dahulu kala. Adakah mereka akan meninggalkan langit atau tempat mereka berlindung. Padahal tempat yang hendak dituju belum pasti dapat menjamin kebahagiaan mereka. Begitu juga halnya ketika manusia hendak berjihad ke jalan Allah. Iblis dan syaitan menakut-nakutkan manusia supaya mereka sayangkan dunia yang begitu indah termasuk harta benda yang mereka miliki. Kemudian dibisikkan dalam hati mereka adakah mereka sanggup melihat isteri-isteri dikahwini oleh orang lain. apabila mereka mati ketika berjihad. Harta yang ditinggalkan akan dibahagi-bahagi untuk orang yang masih hidup. Orang lain bersuka ria menikmati harta peninggalan. Isteri yang ada berkahwin lain. Perjuangan seumpama ini adalah merugikan.

إِنَّ الشَّيْطَانَ قَعَدَ لِإِبْرَاهِيمَ بِطُرْقِ، فَقَعَدَ لَهُ بِطَرِيقِ الْإِسْلَامِ،  
 فَقَالَ لَهُ أَتُسْلِمُ وَتَرْكُ دِينَكَ وَدِينَ آبَائِكَ، فَعَصَاهُ وَأَسْلَمَ، ثُمَّ  
 قَعَدَ لَهُ بِطَرِيقِ الْهِجْرَةِ، فَقَالَ: أَتُهَاجِرُ وَتَرْكُ أَرْضَكَ وَسَمَاءَكَ  
 فَعَصَاهُ وَهَاجَرَ، ثُمَّ قَعَدَ لَهُ بِطَرِيقِ الْجِهَادِ، فَقَالَ أَتُجَاهِدُ وَهُوَ  
 تَلْفُ النَّفْسِ وَالْمَالِ فَتُقَاتِلُ فَتُنَكِّحُ زِسَاؤُكَ وَيُقْسِمُ مَا لَكَ  
 فَعَصَاهُ وَجَاهَدَ.

Sesungguhnya syaitan itu duduk mengganggu manusia dengan berbagai-bagai cara. Ia duduk melakukan gangguan kepada manusia dengan alasan Islam. Lalu ia berkata: "Apakah kamu masuk Islam, dan meninggalkan agama kamu dan agama nenek-moyang kamu? Tetapi manusia itu menentangnya dan masuk Islam. Lalu syaitan itu duduk mengganggu manusia dengan jalan hijrah". Syaitan berkata: "Apakah kamu hendak hijrah, meninggalkan bumi dan langitmu? Tetapi manusia itu menentang dan berhijrah. Kemudian syaitan itu duduk dan menganggu manusia dengan jalan jihad dan berkata: Apakah kamu akan berjihad sedangkan jihad itu menghilangkan nyawa dan harta. Kamu akan terbunuh. Maka isteri kamu akan dikahwini oleh orang lain, manakala harta-harta kamu akan dibahagi-bahagikan. Tetapi manusia tetap menentang syaitan dan terus berjihad.

Begitulah gambaran ringkas atas tamsil yang terjadi diantara manusia dan qarinya atau dengan syaitan lain. Hanya manusia yang leka dan sesat sahaja yang akan terpedaya dengan qarinya yang boleh diperintah dan dipacu menurut kehendaknya. Mereka inilah yang akan menjadi kuda tunggangan iblis dan syaitan. Inilah jawapan Allah s.w.t. ketika iblis bersumpah akan membinasakan manusia seperti yang tersebut dalam ***Surah al-Hijr ayat 42***.



إِنَّ عِبَادِي لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَانٌ إِلَّا مَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْغَاوِينَ

Sesungguhnya hamba-hambaku tidak ada kekuasaan bagimu atas mereka kecuali orang yang mengikut kamu iaitu orang-orang yang sesat.

Selain gangguan qarin, Imam Muslim meriwayatkan dalam kitab sahihnya bahawa Rasulullah s.a.w. ada bersabda, yang bermaksud bahawa tidak ada anak Adam yang dilahirkan ke dunia ini yang tidak diganggu oleh syaitan kecuali Isa 'alaihissalam dan ibunya Maryam berdasarkan firman Allah dalam ***Surah Ali Imraan ayat 36***.

وَإِنِّي أَعِيذُهَا بِكَ وَدُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Sesungguhnya aku melindungi akan dia (Maryam) serta anak keturunannya daripada syaitan yang direjam.

Lantaran gangguan-gangguan yang sedia menunggu itu maka Allah menyuruh supaya dibacakan azan (bang) di telinga kanan dan (qamat) di telinga kiri sebaik-baik seorang bayi itu dilahirkan yang salah satu tujuannya untuk mengelakkan daripada gangguan iblis dan syaitan.

Dari Abu Rafi r.a. (bekas hamba yang dimerdekakan oleh Rasulullah s.a.w.) ia berkata:

عَلَيْ حِينَ وَلَدَتْهُ فَاطِمَةُ بِالصَّلَاةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ.

*Aku lihat Rasulullah s.a.w. membaca azan salat di telinga Husain bin Ali ketika Fatimah r.a. melahirkannya.*

Sebuah hadis lain, dari Husain bin Ali r.a. ia berkata bahawa Rasulullah s.a.w. ada bersabda:

مَنْ وُلِدَ لَهُ مَوْلُودٌ فَأَذْنَ فِي أُذْنِهِ الْيُمْنَى وَأَقَامَ فِي أُذْنِهِ الْيُسْرَى  
لَمْ تَضْرِهُ أُمُّ الصَّبِيَّانَ.

*Siapa yang melahirkan anak lalu bayi yang dilahirkan itu diazankan pada telinga kanan dan diqamatkan pada telinga kirinya, nescaya ummu sibyan (jin yang menganggu kanak-kanak) tidak akan menganggunya.*

Sehubungan dengan gangguan-gangguan ini, Imam Bukhari dalam kitab Sahihnya meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang berbunyi:

إِذَا اسْتَجْنَحَ (أَوْكَانَ جَنْحُ اللَّيْلِ) فَكُفُوا صِبَيْانَكُمْ فَإِنَّ  
الشَّيَاطِينَ تَنْتَشِرُ حِينَئِذٍ فَإِذَا ذَهَبَ سَاعَةً مِنَ الْعِشَاءِ فَخُلُوهُمْ  
وَأَغْلِقُ بَابَكَ وَادْكُرْ اسْمَ اللَّهِ وَأَطْفِئْ مِصْبَاحَكَ وَادْكُرْ اسْمَ  
اللَّهِ وَأَوْكِ سِقَاكَ وَادْكُرْ اسْمَ اللَّهِ وَحِمْرَ (غُطْ) إِنَاءَكَ وَادْكُرْ اسْمَ  
اللَّهِ وَلَوْتَرْ عَلَيْهِ شَيْئًا.

*Apabila malam meliputi (atau apabila malam menyelubungi) maka cegahlah anak-anak kamu, kerana sesungguhnya syaitan-syaitan itu berkeliaran ketika itu. Maka apabila luputlah satu ketika daripada Isyak, maka berilah kebebasan kepada mereka, selak pintu kamu serta sebut nama Allah dan padamkan lampu serta sebut nama Allah, dan tutuplah bekas-bekas minuman kamu dan sebut nama Allah, dan tutuplah bekas-bekas makanan dan menyebut nama Allah biarpun bekas itu telah ditudungi atau direntangi sesuatu ke atasnya.*

Jelasnya anak-anak kecil perlu berada dalam rumah pada waktu maghrib. Jangan biarkan mereka berada di luar rumah kerana pada masa itu segala makhluk halus sedang keluar dari tempat kediaman masing-masing untuk mencari rezeki sambil mengenakan mangsanya.

Hakikatnya, malam bukan masa untuk manusia keluar dari rumah seperti yang seharusnya dilakukan pada waktu siang. Malam adalah untuk berehat, menenangkan fikiran dengan mengingati Allah, bukan untuk berkeliaran di luar rumah seperti yang dijelaskan dalam **Surah Yunus ayat 67**.

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْلَّيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا إِنَّ فِي ذَلِكَ

لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ١٧

*Dialah yang menjadikan malam bagi kamu supaya kamu beristirehat padanya dan menjadikan siang terang benderang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang yang mendengar.*

Rasulullah s.a.w. menyuruh supaya setiap orang mengurangkan keluar pada waktu malam kerana pada waktu malam segala kejahanan buruk boleh terjadi tanpa diduga.

Keluar pada malam itu tidak digalakkan kecuali sebab-sebab tertentu. Apatah lagi jika keluar seorang diri. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. ada bersabda:

لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِي الْوِحْدَةِ مَأْسَارَ أَحَدٍ وَحْدَهُ بِلَيْلٍ أَبَدًا.

*Andainya manusia itu tahu apa yang terjadi ketika berseorangan, seseorang itu tidak akan berjalan bersendirian biarpun satu malam buat selama-lamanya.*

Menurut kepercayaan keagamaan orang Mesir pada zaman lampau, qarin ialah makhluk kedua dalam setiap individu, atau secara umumnya sebagai teman, rakan dan syaitan. Dengan kata lain, qarin umumnya dipercayai sebagai hantu, syaitan atau jin yang lahir bersama-sama bayi dan akan menjadi teman sepanjang hidup.

Kepercayaan orang-orang Islam di Afrika Utara terhadap qarin berkait rapat dengan kepercayaan orang-orang Mesir. Jin yang terdiri daripada jantina yang berlainan menjadi rakan pada roh. Sekiranya bayi yang lahir itu lelaki, maka qarin itu dianggap sebagai kakak, begitulah sebaliknya. Qarin dikatakan tidur dengan kembarannya dan mempunyai kaitan dalam tidurnya yang dikenali sebagai mimpi. Seorang yang sedang tidur dikatakan pengaruh qarinnya lebih kuat daripada orang itu.

Dibandingkan dengan jumlah makhluk-makhluk lain, jumlah manusia adalah yang terkecil. Nisbah bilangan manusia hanya 1 %, bilangan jin 9% manakala malaikat ialah 90%. Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ الْمَلَائِكَةَ وَالْجِنَّ وَالإِنْسِ عَشَرَةَ أَجْزَاءٍ:  
 الْمَلَائِكَةُ تِسْعَةُ أَجْزَاءٍ، وَالْجِنُّ وَالإِنْسِ جُزْءٌ وَاحِدٌ، وَجَعَلَ مِنْ  
 هَذَا الْجُزْءِ الْوَاحِدِ عَشَرَةَ أَجْزَاءٍ تِسْعَةُ مِنْهُمْ الْجِنُّ وَجُزْءٌ وَاحِدٌ  
 إِنْسُ.

Sesungguhnya Allah mencipta malaikat dan jin juga manusia 10 bahagian. Kadar malaikat 9 bahagian, jin dan manusia satu bahagian. Allah ciptakan dari satu bahagian itu dipecahkan kepada 10 bahagian. 9 bahagian daripadanya adalah bilangan jin dan hanya satu bahagian sahaja bilangan manusia.

### 3.0 IFRIT

Ifrit ialah nama bagi segolongan jin kafir yang di antara mereka diberi kekuatan dan kepintaran oleh Allah s.w.t. yang ampunya hati busuk terhadap manusia.

Dalam peristiwa antara Nabi Sulaiman dan Ratu Balqis, termaktub dalam al-Quran tentang kisah burung Hud-hud yang memberitahu kepada Nabi Sulaiman tentang adanya seorang raja perempuan di negeri Saba', yang terletak di selatan semenanjung Arab. Dalam ***Surah an-Nahl ayat 34*** diceritakan tentang kesuburan tanah Saba' yang dapat mengeluarkan hasil bumi berlipat ganda. Ratu Saba' yang bernama Balqis mempunyai singahsana yang diperbuat daripada emas, bertatahkan ratna mutu maknikam dan batu permata yang mahal-mahal. Dikatakan bahawa nama ayahnya ialah Shurahil, ibunya daripada bangsa jin bukan manusia.

Menurut Ath-Tha'labi dan al-Hafiz Ibn Kathir, bapa Ratu Balqis adalah raja besar. Ia enggan berkahwin dengan seorang perempuan Yaman. Ia telah jatuh cinta dengan seorang perempuan jin namanya Rayhanah binti As-Sakn dan melahirkan Ratu Balqis. Nama yang dipilih oleh ibunya untuk Ratu Balqis ialah Talqamah. Setengah pendapat mengatakan Balqamah.

Burung Hud-hud telah memberitahu Nabi Sulaiman bahawa Ratu Balqis dan kaumnya sujud kepada matahari (***an-Naml ayat 24***). Diterangkan juga bahawa biarpun kepercayaan mereka kepada Allah itu ada, namun yang mereka utama ialah penyembahan terhadap matahari. Syaitan telah memesongkan kepercayaan mereka. Mereka telah dipujuk-pujuk, dirayu oleh iblis dan syaitan hingga mereka terpedaya. Mereka merasakan bahawa amalan dan kepercayaan yang mereka lakukan itu adalah amalan yang baik dan benar.

Mendengarkan berita Hud-hud itu, Nabi Sulaiman telah berjanji akan menyelidiki kebenaran kata-kata tersebut. Setelah itu Nabi Sulaiman telah memerintahkan Hud-hud menghantar surat kepada Ratu Balqis. Baginda telah memanggil

pembesar-pembesarnya apabila menerima surat yang menyuruhnya tunduk dan tidak membesar diri itu. Ratu Balqis mengatakan bahawa surat tersebut adalah surat mulia dari seorang raja yang besar lagi perkasa, yang memakai nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Para pembesar sepakat menjawab bahawa mereka mempunyai kelengkapan yang kuat dan cukup namun demikian segala keputusan terletak pada ratu sendiri.

Ratu Balqis telah mengambil keputusan untuk memberi hadiah kepada Nabi Sulaiman (***an-Naml ayat 35***), kerana menurut kebiasaannya hadiah itu boleh mempengaruhi keputusan seseorang. Menurut tafsir Ibn Abbas, Ratu Balqis berkata kepada para pembesarnya kalau hadiah itu diterima ini menunjukkan bahawa Nabi Sulaiman itu hanya seorang raja dan perlu diperangi. Jika hadiah itu ditolak ini menunjukkan bahawa ia adalah seorang yang perlu diikuti. Nabi Sulaiman telah menolak hadiah tersebut dan mengancam akan memerangi Ratu Balqis.

Setelah utusannya kembali semula ke Saba', Ratu Balqis merasakan bahawa kerajaannya tidak berupaya hendak melawan Nabi Sulaiman. Tidak ada faedahnya kalau ia bersikap membesar diri. Kemudian baginda memerintahkan utusan itu kembali semula mengadap Nabi Sulaiman dengan berita ia akan segera datang bersama raja-raja dalam negerinya untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut tentang agama yang diperkatakannya itu.

Setelah itu baginda pun memerintahkan pengawal-pengawal istana mengemas singahsana yang diperbuat daripada emas padu bertatahkan maknikam, batu zamrud, zabarzad dan mutiara itu untuk disimpan dalam sebuah peti besar tujuh lapis dan disuruh kunci serta dipelihara dengan baik agar tidak ada yang mendekati duduk di atasnya atau melihatnya sehingga ia kembali dari menemui Nabi Sulaiman. Kemudian baginda pun keluar menuju ke Sham bersama-sama rombongannya.

Semasa Ratu Balqis dalam perjalanan menuju ke istana Nabi Sulaiman, dalam masa yang sama, Nabi Sulaiman telah memerintahkan jin-jin melaporkan perjalanan tersebut. Setelah beberapa hari sahaja lagi rombongan itu akan tiba ke istana Nabi Sulaiman, baginda telah bertanya kepada orang-orang besarnya jika ada di antara mereka yang boleh membawa singahsana Ratu Balqis ke tempat Nabi Sulaiman sebelum ia datang menyerah diri menerima agama yang didakwahkan. Mendengarkan pertanyaan tersebut salah satu ifrit telah berjanji bahawa ia akan membawa singahsana Ratu Balqis sebelum Nabi Sulaiman berdiri dari tempat duduknya. Ifrit berjanji dengan mengatakan bahawa yang dikatakan itu adalah benar. Singahsana tersebut tidak akan rosak, tidak akan terdapat cacat cela barang sedikit pun terhadap singahsana tersebut biarpun antara Palastin dan Saba itu jaraknya beratus-ratus batu seperti yang tersebut dalam al-Quran, ***Surah an-Naml ayat 38 & 39***.

قَالَ يَتَأَيِّهَا الْمَلَوْا أَيُّكُمْ يَأْتِينِي بِعَرِشَهَا قَبْلَ أَنْ يَأْتُونِي مُسْلِمِينَ  
 ﴿٢٨﴾ قَالَ عَفْرِيتٌ مِّنَ الْجِنِّ أَنَا أَءَاتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ تَقُومَ مِنْ  
 مَّقَامِكَ وَإِذْنِي عَلَيْهِ لَقَوْيٌ أَمِينٌ  
 ﴿٢٩﴾

(Nabi Sulaiman) berkata, wahai orang-orang besar, siapakah di antara kamu yang akan membawakan singahsahanya sebelum dia datang kepadaku dalam keadaan berserah diri. Berkata ifrit (yang cerdik) daripada bangsa jin, aku akan datangkan kepadamu sebelum engkau berdiri dari tempat dudukmu, dan sesungguhnya aku berupaya dan boleh dipercayai untuk melakukan demikian.

Mendengarkan janji ifrit sedemikian rupa, seorang lelaki alim ahli kitab bernama Asif bin Burkhy, yang dikatakan sebagai setiausaha peribadi Nabi Sulaiman telah sanggup mendatangkan singahsana tersebut sebelum mata Nabi Sulaiman berkelip. Kesanggupan ini termaktub dalam **Surah an-Naml ayat 40**:

قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ وَعِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا أَءَاتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَ إِلَيْكَ طَرْفُكَ فَلَمَّا رَأَاهُ مُسْتَقِرًا عِنْدَهُ وَقَالَ هَذَا مِنْ فَضْلِ رَبِّي لَيَبْلُوْنِي أَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ وَمَنْ شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ رَبَّيْ سَيِّدٌ كَرِيمٌ

Berkata seorang yang mempunyai ilmu dari al-Kitab, Aku akan datangkan singahsana itu kepadamu sebelum matamu berkelip. Maka setelah dilihatnya singahsana itu terletak di hadapannya, iapun berkata: Ini adalah kurnia Tuhanmu untuk menguji aku apakah aku bersyukur atau mengingkari (alam nikmatnya). Dan barang siapa yang bersyukur, maka sesungguhnya ia bersyukur untuk dirinya dan barang siapa yang ingkar, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Kaya, Lagi Maha Mulia.

Terdapat berbagai-bagai riwayat tentang lelaki ahli al-Kitab yang sanggup membawa singahsana Ratu Balqis dalam sekilip mata yang mencabar keupayaan ifrit tadi. Selain nama Asif tadi, ada riwayat mengatakan bahawa orang tadi ialah Nabi Hidir, manakala riwayat lain pula mengatakan bahawa orang itu sebenarnya ialah Nabi Sulaiman sendiri.

Biar apa perbezaan riwayat mengenainya, maksud sebenar yang perlu difahami di sini ialah ifrit yang tersebut dalam al-Quran ini adalah daripada jenis jin yang bijak dan mempunyai keupayaan luar biasa, yang umumnya kebijaksanaan seperti ini tidak dapat ditandingi atau dilakukan oleh manusia biasa. Namun demikian

berdasarkan peristiwa tersebut ternyata bahawa manusia yang berilmu itu lebih bijak dan berupaya mengalahkan kekuatan ifrit yang begitu perkasa dan bijaksana.

Jelasnya bahawa ifrit adalah daripada golongan jin. Di antara mereka ada yang bijak dan tidak bijak. Namun demikian, umumnya tabiat ifrit adalah untuk merosakkan manusia. Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ifrit pernah datang untuk mengoda supaya Rasulullah terputus daripada mengerjakan sembahyangnya:

إِنَّ عَفْرِيْتًا مِنَ الْجِنِ تَفَلَّتَ الْبَارِحةَ لِيَقْطَعَ عَلَىٰ صَلَاتِي... .

*Sesungguhnya ada satu ifrit daripada golongan jin mencuba ke atasku (lalu melintas di hadapanku) malam tadi untuk mengoda agar sembahyangku putus.*

## 4.0 IBLIS

Terdapat banyak pendapat yang berbeza-beza tentang iblis sama ada berasal daripada jin atau malaikat. Ada riwayat yang mengatakan bahawa iblis itu asalnya daripada golongan malaikat dan apabila ia engkarkan Allah, Allah telah melaknatnya dan dihukumkan kafir lalu menjadi iblis. i

Menurut pendapat yang lain iblis itu adalah daripada golongan malaikat yang dinamakan al-jinn, yang dijadikan daripada api yang sangat panas. Manakala malaikat itu dijadikan daripada cahaya. Namanya menurut bahasa Siryaniyyah ialah Azazil. Dalam bahasa Arab namanya ialah **al-Harith** (penjaga). Dinamakan **al-Harith** kerana iblis itu asalnya adalah penjaga syurga dan ketua langit dunia yang berkuasa di bumi dan di syurga. Iblis asalnya daripada malaikat yang paling patuh, rajin dan banyak ilmu serta berkuasa di antara langit dan bumi. Kedudukannya yang begitu mulia telah menyebabkannya takabur lalu engkarkan perintah Allah seperti yang tersebut dalam al-Quran yang akhirnya menjadi iblis.

Menurut Ibn Mas'ud, iblis itu merupakan satu kabilah daripada kalangan malaikat yang dipanggil jinn. Dinamakan jinn, nisbah kepada syurga (**al-jannah**) kerana ia adalah penjaga syurga.

Menurut satu pendapat lain, jin adalah makhluk yang telah mendiami bumi. Pada satu ketika terjadilah pembunuhan antara mereka menyebabkan perbuatan-perbuatan jahat begitu meluas.

Allah s.w.t. telah mengutus malaikat yang dikepalai oleh iblis memerangi mereka. Ketika itu iblis adalah penjaga syurga. Bila ia berjaya menghapuskan jin, ia merasa bangga diri dan berkata dalam hatinya:

”لَقَدْ فَعَلْتُ مَا لَا يَقْدِرُ أَحَدٌ عَلَى فِعْلِهِ.

وَمَا كَلَفَنِي اللَّهُ بِهَذَا الْأَمْرِ إِلَّا لِمَزِيقَةً لِي عَلَى سَائِرِ الْمَلَائِكَةِ ”

Sesungguhnya aku telah melakukan sesuatu yang tiada seorang pun boleh melakukannya. Allah tidak menugaskan daku dengan urusan ini kecuali kerana keistimewaanku ke atas seluruh malaikat.

Iblis tidak memberitahu perkara yang terlintas dalam hatinya kepada sebarang malaikat. Tetapi Allah amat mengetahui apakah yang ada dalam hatinya. Inilah yang dikatakan oleh Allah kepada para malaikat, seperti yang termaktub dalam **Surah al-Baqarah ayat 30:**

إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Sesungguhnya aku lebih mengetahui apa yang kamu semua tidak tahu.

Ayat ini bermaksud bahawasanya Allah s.w.t. mengetahui perkara atau maksud yang terlintas dalam diri iblis, iaitu rasa tinggi diri dan tekad tidak mahu sujud kepada Nabi Adam iaitu sujud kerana memuliakan ciptaan Allah. Sejak kejadian itu, jadilah iblis dan keturunannya musuh ketat bagi Adam dan keturunannya hingga hari kiamat. Tersebut dalam **Tafsir Fi-Zilalil-Quran** dalam tafsiran **ayat 34 surah al-Baqarah;**

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةَ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَاجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسُ أَبْشِ وَأَسْتَكْبَرَ  
وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ

dinyatakan bahawa iblis bukan daripada jenis malaikat, tetapi ketika kejadian itu berlaku iblis berada di kalangan malaikat. Andainya iblis itu daripada jenis malaikat nescaya iblis tidak engkarkan perintah Allah. Sifat malaikat yang utama ialah tidak melakukan maksiat atau engkarkan Allah. Malaikat sentiasa melakukan segala yang diperintahkan seperti firman Allah dalam **Surah at-Tahrim ayat 6:**

لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ

Mereka tidak mengingkari Allah terhadap apa yang diperintahkan kepada mereka dan melakukan apa yang disuruh.

Iblis adalah dari golongan jin menurut nas al-Quran, yang dijadikan daripada api yang panas. Keterangan ini dapat menolak pendapat yang mengatakan bahawa iblis itu daripada golongan malaikat.

Dengan keterangan ini jelas menunjukkan bahawa pendapat yang mengatakan iblis itu daripada keturunan jin, bukan daripada malaikat adalah lebih meyakinkan. Kenyataan tersebut dapat dibuktikan sebagaimana berikut:

- i. Berdasarkan firman Allah dalam ***Surah al-Kahfi ayat 50***:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا لِأَدَمَ فَسَاجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ  
فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ<sup>٥٠</sup>

*Dan ingatlah ketika kami berfirman kepada para malaikat, sujudlah kamu kepada Adam. Maka sujudlah mereka kecuali iblis. Dia adalah daripada golongan jin, maka dia menderhaka perintah Tuhanmu.*

- ii. Berdasarkan kata-kata iblis sendiri kepada Allah s.w.t. tentang asal usul kejadiannya yang dianggap lebih mulia daripada kejadian anak Adam, seperti yang tersebut dalam ***Surah al-A'raf ayat 12***:

قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ

*Ia berkata, aku lebih mulia daripadanya, Engkaujadikan daku daripada api dan Kaujadikan dia daripada tanah.*

- iii. Sifat malaikat seperti yang termaktub dalam al-Quran adalah sentiasa taat kepada perintah Allah seperti yang tersebut dalam Surah at-Tahrim ayat 6:

- iv. Asal kejadian kedua-duanya berlainan. Malaikat dijadikan daripada cahaya manakala iblis dijadikan daripada api yang sangat panas.

- vi. Iblis beranak pinak. Hal ini tidak terjadi pada kalangan malaikat.

Dalam kitab *al-Jinn Wal-Afirit* karangan Muhammad Kamil Hasan al-Muhami disebutkan bahawa kebanyakan ahli tafsir dan para cendiakawan Arab mengatakan bahawa iblis adalah bapa jin. Manakala ulamak Masihi dan Yahudi menyangkal pendapat ini. Kalau iblis itu bapa jin, pastinya ia mempunyai isteri. Tentang isteri jin ini tidak ada tersebut dalam mana-mana sumber. Dalam al-Quran, ***Surah al-Kahfi ayat 50*** ada menyebutkan tentang zuriat iblis tetapi tidak menyebut tentang isteri iblis:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا لِأَدَمَ فَسَاجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ  
فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ<sup>٥٠</sup> افْتَخَذُونَهُ وَوَدْرِيَّتُهُ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِي  
وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا

Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, maka sujudlah mereka kecuali iblis. Dia adalah dari golongan jin, maka ia menderhaka perintah Tuhanmu. Patutkah kamu mengambil dia dan turun temurunnya sebagai pemimpin selain daripadaku, sedang mereka adalah musuhmu? Amat buruklah iblis itu sebagai pengganti (Allah) bagi orang-orang yang zalim.

## 5.0 SYAITAN

Syaitan adalah golongan jin yang menderhaka, sompong, pengacau dan fasik. Allah s.w.t. telah memberi amaran kepada orang yang beriman supaya tidak mengikuti jejak langkah syaitan, kerana syaitan itu sentiasa menggoda dan menyuruh manusia supaya melakukan kejahanatan, seperti yang jelas tersebut dalam **Surah an-Nur ayat 21**:

يَتَّبَعُهَا الَّذِينَ ظَمَرُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَانِ وَمَن يَتَّبِعُ  
خُطُواتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ وَيَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan. Barang siapa yang mengikuti langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu menyuruh mengerjakan perbuatan yang keji dan yang mungkar.*

Dari awal lagi Allah s.w.t. telah memberi peringatan kepada manusia bahawa syaitan itu adalah musuh. Oleh sebab itu manusia mesti menganggapnya sebagai musuh. Dalam **Surah Faatir ayat 6** Allah berfirman:

إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا إِنَّمَا يَدْعُوا حِزْبَهُ وَلَيَكُونُوا  
مِنْ أَصْحَابِ السَّعِيرِ

*Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu, maka anggaplah ia musuh, kerana sesungguhnya syaitan itu hanya mengajak golongannya supaya menjadi penghuni api yang menyala.*

Dalam **Surah al-An'am ayat 112 & 113**, perkataan syaitan juga dirujuk kepada manusia yang bersifat atau kelakuannya seperti syaitan.

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُواً شَيْطَانَ الْإِنْسَانَ وَالْجِنِّ يُوْجِي بَعْضُهُمْ  
إِلَى بَعْضٍ رُّخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا

Dan demikian juga, Kami jadikan bagi setiap nabi itu musuh iaitu syaitan-syaitan yang terdiri daripada jenis manusia dan jin, sebahagian daripada mereka membisikkan kepada sebahagian yang lain perkataan yang indah-indah untuk menipu.

Selain itu dalam **Surah al-Baqarah ayat 14**, perkataan syaitan juga dirujuk kepada pemimpin-pemimpin kaum munafik dan kafir kerana mereka itulah yang telah menyesatkan pengikut-pengikut mereka:

وَإِذَا خَلَوْ إِلَى شَيْطَانِهِمْ قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِئُونَ

Dan bila mereka pergi mendatangi syaitan-syaitan mereka (pemimpin), mereka berkata: Sesungguhnya kami tetap sependirian dengan kamu, kami hanya berolok-olok.

Syaitan juga dirujuk kepada sesuatu yang kotor, busuk atau penyakit sebagaimana yang tersebut dalam sebuah hadis yang berbunyi:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبُثِ وَالْخَبَائِثِ.

Ya Allah, sesungguhnya kami berlindung kepada Engkau daripada syaitan jantan dan betina.

**Al-khubth** (syaitan jantan) dan **Al-khabaith** (syaitan betina) adalah bakteria atau bibit penyakit yang banyak terdapat di tempat-tempat kotor seperti tandas.